



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 3 petang, 3 Oktober 2025

Untuk Terbitan Media  
3 Oktober 2025

## SIARAN MEDIA

### PENGIFTIRAFAN GLOBAL: DELEGASI DUNIA ANGKAT MALAYSIA TERAJUI PRESIDEN ISSA BAGI PENGGAL KEDUA

**KUALA LUMPUR:** Malaysia terus berada di barisan hadapan kepimpinan keselamatan sosial global dengan pemilihan semula bagi jawatan Presiden Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA).

Tokoh visi keselamatan sosial ternama, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed yang memegang jawatan itu sejak 2023, berjaya memperoleh mandat kukuh daripada ahli ISSA di seluruh dunia untuk menerajui persatuan itu bagi penggal kedua.

Untuk rekod, beliau sebelum ini dipilih sebagai Presiden ke-17 ISSA semasa Forum Keselamatan Sosial Dunia 2022 yang diadakan di Maghribi.

Kepercayaan yang begitu besar ini sekali lagi mengesahkan kedudukan Malaysia di barisan hadapan dalam memperkasa sistem keselamatan sosial yang inklusif, berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Sepanjang penggal pertamanya, Dr. Mohammed Azman yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), telah meletakkan ISSA di pusat dialog global, mempengaruhi dasar dan membina kerjasama dengan pelbagai organisasi antarabangsa.

Antara organisasi tersebut termasuklah G20, kumpulan ekonomi pesat membangun BRICS (Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan), Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).

Beliau mengangkat prinsip '*pencegahan sebelum pemulihan, pemulihan sebelum pampasan*', menjadikannya amalan antarabangsa yang memulihkan kehidupan, maruah dan harapan.

"Perjalanan di hadapan penuh dengan cabaran mendesak termasuk perubahan iklim yang mengganggu kehidupan, penuaan populasi yang kian menghampiri, menekan sistem kesihatan dan

perkhidmatan sosial, serta kemunculan bentuk pekerjaan baharu yang menjelaskan model caruman tradisional.

"Isu-isu ini semakin membuka jurang ketidaksamaan dan risiko kecinciran, di samping cabaran yang semakin meningkat dalam melindungi pekerja migran serta memastikan pemberian manfaat mereka merentasi sempadan," katanya lagi.

"Pada masa sama, sistem keselamatan sosial berdepan ujian kritikal untuk mengekalkan pembiayaan mampan dalam ekonomi global yang tidak menentu, memandangkan penuaan penduduk, peningkatan kos penjagaan kesihatan dan ketidaktentuan global terus memberi tekanan kepada sumber," jelasnya.

Dalam konteks ini, Dr. Mohammed Azman menekankan bahawa pemilihan semula ini hadir bersama misi besar untuk menangani realiti bahawa 3.8 bilion orang di seluruh dunia masih belum dilindungi oleh keselamatan sosial.

Beliau menegaskan bahawa tugas utama bukan sahaja untuk melindungi, tetapi juga memperkasa perlindungan sosial melalui kerjasama global agar tiada sesiapa yang tercicir dalam dunia yang sedang berubah dengan pantas.

Pelantikan semula ini merupakan pengiktirafan yang berprestij kepada Malaysia, sekali gus mengukuhkan komitmen negara terhadap keadilan, daya tahan dan inovasi dalam perlindungan sosial global.

Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) ditubuhkan pada tahun 1927, mewakili lebih daripada 330 institusi ahli di 164 negara dan kekal sebagai organisasi antarabangsa utama dalam kerjasama keselamatan sosial.

## **##TAMAT##**

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonseptan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

### **Mengenai ISSA**

**Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA)** merupakan organisasi antarabangsa terkemuka dunia bagi institusi keselamatan sosial, jabatan kerajaan dan agensi berkaitan. ISSA mempromosikan kecemerlangan dalam pentadbiran keselamatan sosial melalui garis panduan profesional, kepakaran, perkhidmatan dan sokongan bagi membantu ahlinya membangunkan sistem dan dasar keselamatan sosial yang dinamik di seluruh dunia. Ditubuhkan pada tahun 1927 di bawah naungan **Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)**, ISSA kini mempunyai lebih daripada **330 organisasi ahli** di lebih **160 buah negara**.

Layari [www.issa.int](http://www.issa.int) untuk maklumat lanjut atau hubungi ISSA.

### **Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**3 Oktober 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi**  
**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-3273193**

[fatiyah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatiyah.redzuan@perkeso.gov.my)

**Ridauddin Daud**

**+6019-3265772**

[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), sila hubungi:**

**Mr Sigve Soldal Bjorstad, Ketua Bahagian Komunikasi**

**+41 79 647 1454**

[bjorstad@ilo.org](mailto:bjorstad@ilo.org)